

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



**PERKATAAN AWAL YANG DIHASILKAN OLEH
KANAK-KANAK MELAYU KELANTAN**

NUR FARINA BT ROSLI

**PUSAT PENGAJIAN SAINS KESIHATAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

2009

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



**PERKATAAN AWAL YANG DIHASILKAN OLEH
KANAK-KANAK MELAYU KELANTAN**

Oleh

NUR FARINA BT ROSLI

**Disertasi yang diserahkan untuk memenuhi
sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan
(Patologi Pertuturan)**

May 2009

SIJIL AKUAN

Diperakui bahawa disertasi yang bertajuk “Perkataan Awal Yang Dihasilkan Oleh Kanak-Kanak Melayu Kelantan” merupakan hasil kerja dan penyelidikan yang asli daripada Nur Farina binti Rosli, 89062 bermula pada Julai 2008 hingga April 2009 di bawah penyeliaan saya. Disertasi ini merupakan sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Kesihatan (Patologi Pertuturan). Segala hasil penyelidikan dan data yang diperoleh adalah hak milik Universiti Sains Malaysia.

This is to certify that the dissertation entitled “First Words Produced by Children in Kelantan” is the bonafide record of research work done by Nur Farina binti Rosli, 89062 during the period of July 2008 to April 2009 under my supervision. This dissertation submitted in partial fulfillment for the degree of Bachelor of Health Sciences (Speech Pathology). Every research work and collection of data belong to Universiti Sains Malaysia.

.....
Tandatangan Penyelia Utama
Pn. Norhaniza binti Abdul Khairi
Lecturer
School of Health Sciences
Health Campus
Universiti Sains Malaysia
16150 Kubang Kerian
Kelantan
1 April 2009

.....
Tandatangan Penyelia Utama
En. Mohd Syahrulikram b Mohd Yasin
Medical Science Officer (Speech)
School of Health Sciences
Health Campus
Universiti Sains Malaysia
16150 Kubang Kerian
Kelantan
1 April 2009

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi atas limpah kurnia dan lindungan-Nya sepanjang pengajian saya selama empat tahun di Universiti Sains Malaysia ini. Di kesempatan ini, ingin saya mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga saya yang sangat banyak berkorban dan memberi dorongan sepenuhnya demi menjamin kejayaan saya. Setinggi-tinggi penghargaan juga ingin saya berikan kepada penyelia, Pn. Norhaniza bt. Abdul Khairi dan penyelia bersama, En. Mohd Syahrulikram b. Mohd Yassin atas bimbingan dan tunjuk ajar mereka dalam menjayakan projek ini. Penghargaan yang tidak terhingga juga ingin saya sampaikan kepada semua guru-guru taska yang banyak membantu dan juga para ibu bapa yang sudi memerikan kerjasama yang tinggi nilainya bagi saya. Tidak lupa juga kepada semua sahabat seperjuangan yang banyak berkongsi ilmu dan saling memberi semangat, jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua. Di sini juga saya ingin berterima kasih kepada sahabat karib saya, Fadzliana bt Majid kerana setia menghulurkan bantuan dan sokongan sepanjang tempoh mengedarkan borang soal selidik ke seluruh taska dan pusat penjagaan kanak-kanak di sekitar Kota Bharu, Kelantan ini.

Nur Farina bt Rosli
Patologi Pertuturan
Pusat Pengajian Sains Kesihatan
Universiti Sains Malaysia

ISI KANDUNGAN

	Halaman
SIJIL AKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
ABSTRAK	x
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Kenyataan Masalah	6
1.3 Objektif Kajian	9
1.3.1 Objektif Umum	9
1.3.2 Objektif Khusus	9
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Definisi Istilah	11
1.5.1 Perkataan pertama	11
1.5.2 Bahasa Melayu	11
1.5.3 Dialek Kelantan	12
1.5.4 Kanak-Kanak Melayu	12
1.5.5 Perkembangan bahasa	13
1.5.6 Bahasa sebutan (<i>expressive language</i>)	13
1.5.7 Bahasa kefahaman (<i>receptive language</i>)	13

BAB 2:	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	14
2.2	Kajian-Kajian Lepas	14
2.3	Konsep/Teori	19
BAB 3:	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	21
3.2	Reka Bentuk Kajian	22
3.3	Sampel Kajian	23
3.4	Kriteria Pemilihan Subjek	24
3.5	Lokasi Kajian	25
3.6	Alatan Kajian	27
3.7	Isu Etika	28
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	29
3.9	Kaedah Analisis Data	31
BAB 4:	ANALISIS DATA DAN HASIL	
4.1	Pengenalan	32
4.2	Subjek Kajian	33
4.3	Bilangan Perkataan Pertama Kanak-kanak	35
4.4	Kategori Perkataan Awal	37
4.5	Umur Pemerolehan Perkataan Pertama	39
4.6	Bilangan dan Kategori Perkataan Yang Difahami	41

4.7	Bilangan dan Kategori Perkataan Yang Difahami dan Dipertuturkan	43
4.7	Kesimpulan	45
BAB 5: PERBINCANGAN		
5.1	Pengenalan	46
5.2	Umur Pemerolehan Perkataan Awal	47
5.3	Fungsi Perkataan Awal	48
5.4	Pemahaman Mendahului Bahasa Sebutan	50
5.5	Faktor-faktor Mempengaruhi Pemerolehan Perkataan Pertama	53
	5.5.1 Pengaruh Persekitaran	53
	5.5.2 Peranan Ibu Bapa	54
	5.5.3 Perbezaan Jantina	55
5.6	Implikasi Hasil Kajian Dalam Bidang Patologi Pertuturan dan Bahasa	56
5.7	Kesimpulan	57
BAB 6: KESIMPULAN		
6.1	Rumusan Hasil Kajian	58
6.2	Kekuatan dan Limitasi Kajian	60
6.3	Implikasi dan Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	62
BIBLIOGRAFI		64

LAMPIRAN

Lampiran A: Maklumat Kajian	68
Lampiran B: Borang Keizinan Ibu Bapa/Penjaga	69
Lampiran C: Borang Latar Belakang Ibu Bapa dan Anak	70
Lampiran D: Senarai Perkataan Pertama Bahasa Melayu (Dialek Kelantan)	74
Lampiran E: Surat Kebenaran Ibu Bapa	85
Lampiran F: Surat Kelulusan Etika	86

SENARAI JADUAL

Jadual 1:	Pusat Asuhan di sekitar Kubang Kerian, Kelantan	26
Jadual 2:	Perkataan Pertama yang Dihasilkan	35
Jadual 3:	Kategori Perkataan Pertama Mengikut Kumpulan Subjek	37
Jadual 4:	Umur Pemerolehan Perkataan Pertama Mengikut Jantina	39
Jadual 5:	Jumlah Perkataan Yang difahami Mengikut Kategori Perkataan dan Kumpulan Subjek	41
Jadual 6:	Jumlah Perkataan Yang Difahami dan Disebut Mengikut Kategori Perkataan dan Kumpulan Subjek	43

SENARAI RAJAH

Rajah 1:	Jumlah Subjek Kajian Mengikut Jantina	33
Rajah 2:	Subjek Kajian Mengikut Lingkungan Umur dan Jantina	40
Rajah 3:	Median Umur Pemerolehan Perkataan Pertama	38
Rajah 4:	Jumlah Perkataan yang Difahami dan Disebut oleh Semua Subjek	45

PERKATAAN AWAL YANG DIHASILKAN OLEH ANAK-KANAK MELAYU KELANTAN

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan satu senarai perkataan pertama yang dihasilkan oleh kanak-kanak Melayu yang menggunakan dialek Kelantan dan lingkungan umur mereka mula mengeluarkannya. Menerusi kajian ini juga, pengkaji ingin melihat golongan perkataan yang dihasilkan dalam perkataan pertama kanak-kanak tersebut. Oleh itu, kajian ini dijalankan secara tinjauan iaitu dengan mengedarkan borang soal selidik ke taska terpilih dan pengasuh akan edarkan kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak berumur 6 hingga 24 bulan untuk diisi. Seramai 31 orang subjek yang memenuhi kriteria kajian telah dipilih iaitu 15 subjek perempuan dan 16 subjek lelaki. Ibu bapa subjek merupakan sumber utama untuk mengetahui perkataan yang telah difahami dan dipertuturkan oleh subjek. Borang soal selidik yang digunakan ialah Borang Senarai Perkataan Pertama Dalam Bahasa Melayu (Dialek Kelantan) yang telah diadaptasi daripada Senarai Perkembangan Komunikasi Mac Arthur: Kata dan Perilaku (Revised) yang terdapat di Hospital Universiti Sains Malaysia yang juga berdasarkan *MacArthur Communicative Development Inventories* oleh Fenson et al. (1993). Hasil kajian menunjukkan kanak-kanak ini mula mengeluarkan perkataan awal yang terdiri daripada panggilan nama orang, makanan/minuman, objek harian, perbuatan, binatang dan kenyataan. Min umur menghasilkan perkataan pertama pula ialah 10 hingga 11 bulan bg lelaki dan 8 hingga 9 bulan bagi perempuan. Hasil ini dapat memberi rujukan dan maklumat tentang perkembangan bahasa, serta panduan kepada patologis pertuturan dan bahasa tempatan terutamanya di Kelantan dalam membantu mengesan sebarang kecelaruan bahasa dan pertuturan kanak-kanak yang menggunakan dialek Kelantan.

EARLY WORDS PRODUCED BY CHILDREN IN KELANTAN

ABSTRACT

The aim of this study is to obtain a list of first words produced by children whose speak in Kelantan dialect and the age range they started to produce those words. From this study, the researcher also keen to know the categories of the first words. There were 31 subjects consists of 15 girls and 16 boys. Their parents are the main source of information to know the words produced and the aged of producing their first words. Therefore, this study was done by surveying where there were forms contributed to the nurseries and then were given to the parents. Forms used are *Borang Senarai Perkataan Pertama Dalam Bahasa Melayu (Dialek Kelantan)* which has been adapted from *Senarai Perkembangan Komunikasi Mac Arthur: Kata dan Perilaku* (Revised) that has been used in HUSM, and this form also taken from the original MacArthur Communicative Development Inventories by Fenson et al. (1993). The findings shown the first words produced consists from the categories of names, food/drinks, familiar objects, adjectives, animals and descriptive words. Their min of age to produce these words are from 10 to 11 months for boys, and 8 to 9 months for girls. These findings are able to help in identifying earlier speech and language delay or disorders especially children using Kelantan dialect. So, this is an effort to study the children's language development which can be applied to the culture in Kelantan as well as the contribution to the field of speech and language pathology locally.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa merupakan satu sistem yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi sesama sendiri dalam menyampaikan dan menerima maklumat serta idea sebagai cara untuk berkongsi pelbagai perkara. Sebelum dapat menggunakan bahasa selengkapnya, seseorang itu akan melalui setiap peringkat dalam perkembangan bahasa. Namun begitu, terdapat pelbagai pendapat mengenai pemerolehan bahasa ini iaitu cara mempelajarinya dan proses-proses perkembangan yang berlaku. Beberapa teori utama mengenai perkembangan bahasa dan pertuturan telah dikaji oleh Chomsky, Piaget, dan Vygotsky (Christine M. Taylor, 1999). Teori-teori yang mereka hasilkan membantu untuk memahami hubungan antara perkembangan bahasa dengan pemikiran. Selain mereka, terdapat pengkaji lain yang mempunyai pendapat bertentangan dengan idea ini seperti Skinner (1957) kerana tidak memasukkan elemen pemikiran dalam perkembangan bahasa kanak-kanak.

Chomsky (1957) menyatakan bahawa manusia memperoleh bahasa secara semulajadi iaitu bahasa sudah mula wujud sebagai entiti linguistik sebelum kanak-kanak mula bertutur lagi. Sebelum kanak-kanak memperoleh kosa kata sebenarnya mereka sudah menetapkan peraturan yang membolehkan terhasilnya ayat. Chomsky (1957) percaya bahawa penutur boleh memahami dan respon kepada ayat yang didengar dan bukannya mempelajari daripada ganjaran seperti mana yang dinyatakan oleh Skinner (1957). Dalam menerangkan hubungan kompleks antara pemerolehan pertuturan, bahasa dan proses berfikir, Piaget (1926) menerangkan bahawa pemerolehan bahasa bergantung kepada dan menggambarkan tahap perkembangan kognitif individu tersebut. Vygotsky (1962) pula mempercayai bahawa bahasa dan cara pemikiran diperoleh secara berasingan sehinggalah berumur dua tahun ketika mereka mula menggabungkan dan berkembang serentak. Tetapi, Sapire (1949) menyimpulkan bahawa cara pemikiran seseorang bergantung kepada pemerolehan bahasa.

Skinner (1957) pula mempunyai teori yang berbeza kerana beliau menerangkan bahasa sebagai perilaku verbal tanpa mengambil kira aspek cara berfikir seperti idea, maksud dan peraturan tatabahasa. Beliau melihat ujaran pertama kanak-kanak sebagai gabungan individu bunyi secara rawak dengan berpendapat bahawa bunyi rawak ini boleh dibentuk dengan memberi ganjaran untuk membentuk ujaran penuh seperti yang dipertuturkan oleh orang dewasa.

Perkembangan bahasa kanak-kanak bermula sejak dilahirkan. Bayi mula berkomunikasi dengan persekitarannya melalui tangisan dengan intonasi yang berbeza dan kebiasaannya ibu boleh memahami mengikut kehendak bayi mereka. Kemudiannya, bayi ini akan mula menghasilkan senyuman antara umur 6 hingga 10 minggu. Perkembangan ini diikuti pula dengan “cooing” pada umur 3 bulan, dan membebel pada umur 6 hingga 9 bulan. Kemudian kanak-kanak ini akan mula vokalisasi pada umur 9 bulan dan cuba meniru bunyi-bunyi yang didengar sebelum mula menghasilkan perkataan pertama mereka antara umur 9 bulan hingga 12 bulan. Secara umumnya, kanak-kanak akan mengeluarkan perkataan pertama mereka pada umur lebih kurang 11 atau 12 bulan dan perkataan yang dihasilkan merujuk kepada ibu sebagai “mama” dan ayah sebagai “dada” (Caufield, 2002). Perkataan pertama merupakan perkataan yang disebut buat pertama kali dalam kehidupan seseorang dan perkataan ini mestilah perkataan yang bermakna dan merujuk kepada benda yang sama setiap kali menggunakannya (wikipedia). Menerusi pengetahuan berkenaan perkembangan bahasa yang normal akan dapat membantu dalam mengesan masalah dan kelewatan perkembangan bahasa kanak-kanak tersebut. Perkembangan fizikal kanak-kanak juga perlu mengikut tahap yang sepatutnya kerana dapat memberi petunjuk jika berlaku sebarang kelewatan dalam perkembangan bahasa kanak-kanak.

Perkataan pertama kanak-kanak biasanya berbeza daripada pertuturan orang dewasa dari segi sebutan. Walaupun begitu, kanak-kanak ini sebenarnya cuba meniru sebutan orang dewasa tetapi disebabkan alat artikulasi mereka belum matang dan baru mula belajar menghasilkan bunyi, sebutan mereka agak berlainan daripada orang dewasa. Malah perkataan ini biasanya nominal; iaitu yang merujuk kepada objek, orang dan situasi (Bukatko & Daehler, 1995). Perkataan pertama juga dikenali sebagai *holofrasa* kerana penghasilan perbendaharaan kata kanak-kanak biasanya mempunyai satu atau dua perkataan mudah pada satu masa, dan mereka menghasilkan perkataan tunggal untuk menunjukkan makna keseluruhan bagi satu ayat yang ingin dihasilkan (Shaffer, 1999).

Perkataan pertama kanak-kanak merupakan perkembangan yang sangat mengujakan, dan dinanti-nantikan oleh para ibu bapa. Walaupun setiap kanak-kanak berkembang pada tahap tersendiri dan mula bercakap awal ataupun lewat, jarang di antara mereka yang mengalami kesan tidak baik dalam kebolehan berkomunikasi kelak kecuali mereka mengalami sebarang kecacatan lain dari segi mental ataupun fizikal. Menurut Elbro dan Scarborough (2004), dan Scarborough (2005), kebolehan perkembangan bahasa ini penting dalam perkembangan membaca kanak-kanak tersebut. Akibat kelewatan ini boleh memberi kesan yang buruk apabila memasuki alam persekolahan terutamanya dari segi akademik dan juga sosial iaitu dalam berkomunikasi dengan masyarakat sekeliling.

Di Malaysia bahasa yang digunakan masyarakatnya ialah Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi mereka. Walau bagaimanapun, Bahasa Melayu mempunyai banyak dialek dan setiap dialek mempunyai perbezaan ketara dari segi sebutan dan perbendaharaan kata. Dialek ini biasanya berbeza-beza mengikut negeri. Oleh sebab itu kajian ini selanjutnya akan mengkaji tentang perkembangan bahasa kanak-kanak yang menggunakan dialek Kelantan. Berdasarkan kajian lepas, pengkaji dapati bidang ini sangat menarik untuk diterokai. Oleh itu pengkaji telah memilih untuk membuat kajian berkaitan perkembangan bahasa manusia iaitu perkembangan perkataan awal dalam kalangan kanak-kanak Melayu yang menggunakan dialek Kelantan di sekitar daerah Kubang Kerian, Kelantan. Kanak-kanak yang dipilih sebagai subjek kajian ialah yang berumur di antara 6 bulan hingga 24 bulan kerana pada lingkungan umur ini kanak-kanak akan menghasilkan perkataan pertama mereka. Menerusi kajian ini juga pengkaji dapat mengetahui umur kanak-kanak di Kelantan akan mula mengeluarkan perkataan pertama mereka dan apakah kategori perkataan yang biasa dihasilkan. Kajian ini juga mengkaji perkataan awal yang difahami dan disebut oleh kanak-kanak yang berumur 6 bulan hingga 24 bulan.

1.2 Kenyataan Masalah

Bahasa Malaysia merupakan bahasa utama bagi semua masyarakat Malaysia. Namun begitu, terdapat pelbagai dialek yang boleh membezakan seseorang berasal dari negeri tertentu di seluruh Malaysia. Menerusi kajian yang telah dipilih ini, pengkaji akan menumpukan subjek yang menggunakan dialek Kelantan. Kajian ini akan memfokuskan kepada umur pemerolehan perkataan pertama kanak-kanak. Populasinya merupakan kanak-kanak yang berumur daripada 6 bulan hingga 24 bulan. Berdasarkan umur tersebut, pengkaji akan membahagikannya kepada 3 kumpulan berbeza mengikut lingkungan umur daripada 6 hingga 12 bulan, 12 hingga 18 bulan, dan 18 hingga 24 bulan supaya dapat menganalisis keputusan dengan lebih jelas mengikut lingkungan umur.

Tajuk kajian ini telah dipilih disebabkan masih tiada pengkaji yang menerokai skop kajian perkembangan kerana belum ada lagi kajian yang betul – betul dijalankan ke atas perkembangan perkataan awal bagi populasi Kelantan sebaliknya mengkaji bahagian lain seperti golongan kata nama yang terdapat pada kanak-kanak di Kelantan. Perkataan awal ini penting dalam perkembangan bahasa kanak-kanak kerana dengan mengenalpasti umur perkembangan bahasa yang normal, kanak-kanak yang lewat perkembangannya akan dapat dikesan dan rawatan awal dapat disediakan. Kajian ini juga penting untuk mengetahui apakah perkataan awal yang biasa disebut oleh kanak-kanak.

Subjek diperoleh dari taska terpilih di sekitar daerah Kubang Kerian dan kaedah tinjauan secara soal selidik telah dijalankan. Pengkaji telah memilih taska yang sudi berkerjasama secara sukarela dalam kajian. Pengasuh di setiap pusat jagaan tersebut telah mengedarkan sampul surat yang mengandungi surat kebenaran, borang keizinan, borang soal selidik latar belakang dan borang senarai perkataan awal Bahasa Melayu (dialek Kelantan) kepada ibu bapa kanak-kanak yang memenuhi kriteria yang diperlukan. Kemudian, pengkaji datang semula ke setiap taska tersebut untuk mengutip data yang telah diisi oleh ibu bapa. Walaupun begitu, bukan semua ibu bapa memulangkan semula borang kepada pengasuh di setiap taska anak masing-masing setelah pengkaji menetapkan tempoh iaitu selama dua minggu selepas sampul diedarkan kepada ibu bapa.

Berdasarkan senarai perkataan tersebut, pengkaji boleh membantu dalam memberi panduan kepada patologis pertuturan dan ibu bapa tentang proses pemerolehan perkataan awal supaya kanak-kanak dapat memperoleh perkataan tersebut dengan lebih cepat. Jadi, hasil kajian ini juga boleh dijadikan sebagai petunjuk dalam mengesan sebarang kelewatan dalam perkembangan bahasa dan pertuturan serta masalah komunikasi lain pada kanak-kanak tersebut supaya intervensi awal dapat dijalankan untuk membantu mereka mencapai potensi ketika berkomunikasi dalam persekitaran secara optimum.

Sebagaimana yang dimaklumi umum, perkembangan bahasa merupakan salah satu kemahiran yang penting dalam persediaan untuk memasuki alam persekolahan. Kanak-kanak dengan masalah bahasa di sekolah tadika biasanya akan mengalami pencapaian yang rendah di peringkat sekolah dan berisiko tinggi untuk membentuk masalah kelakuan dan tingkah laku (Baker & Cantwell, 1987; Prizant, Audet., Burke, et al., 1990). Oleh itu rawatan awal dapat mengelakkan atau mengurangkan tahap keterukan kelewatan pemerolehan bahasa bagi kanak-kanak tadika, meningkatkan persediaan untuk memasuki alam persekolahan, serta meningkatkan tahap kejayaan akademik di sekolah.

1.3 Objektif Kajian

1.3.1 Objektif Umum

Kajian ini bertujuan untuk menghasilkan satu senarai perkataan awal yang dihasilkan oleh kanak-kanak dalam lingkungan umur 6 bulan hingga 24 bulan yang menggunakan dialek Kelantan.

1.3.2 Objektif Khusus

Kajian ini secara khususnya bertujuan untuk:

1. mengkaji perkataan pertama yang dihasilkan oleh kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan 6 bulan hingga 24 bulan.
2. mengkaji purata dan lingkungan umur kanak-kanak mula menghasilkan perkataan awal mereka.
3. mengkaji golongan kata yang biasa dipertuturkan oleh kanak-kanak dalam pertuturan awal mereka.
4. mengkaji perkataan yang difahami dan dipertuturkan dalam setiap kumpulan umur.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan yang terdapat dalam kajian ini ialah:

1. Apakah perkataan awal yang dihasilkan oleh kanak-kanak dalam lingkungan umur 6 bulan hingga 24 bulan?
2. Pada umur berapakah kanak-kanak yang menggunakan dialek Kelantan akan mula menghasilkan perkataan awal mereka?
3. Apakah golongan kata perkataan awal yang biasa dipertuturkan oleh kanak-kanak ini?
4. Berapa patah perkataankah yang telah difahami dan dipertuturkan oleh kanak-kanak dalam setiap kumpulan umur yang ditetapkan?

1.5 Definisi Istilah

Istilah penting atau kata kunci yang digunakan dalam penulisan kajian ini telah disenaraikan dan diberi takrifan yang sesuai supaya dapat menjelaskan dan memudahkan perbincangan sepanjang penulisan kajian ini.

1.5.1 Perkataan Pertama

Perkataan pertama merupakan perkataan yang disebut buat pertama kali dalam kehidupan seseorang (wikipedia). Penghasilan perkataan pertama ini adalah hasil daripada pembelajaran ujaran orang dewasa oleh kanak-kanak yang membawa maksud tertentu dan menepati situasi tertentu (Nicolosi,1989).

1.5.2 Bahasa Melayu

Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan Malaysia dan merupakan bahasa untuk semua tanpa mengira kaum. Di Malaysia, bahasa Melayu juga dikenali sebagai bahasa Malaysia. Bahasa Melayu Piawai ialah Bahasa Melayu Riau (wikipedia).

1.5.3 Dialek Kelantan

Bahasa Melayu mempunyai banyak dialek dan setiap dialek mempunyai perbezaan ketara dari segi sebutan dan kosa kata. Loghat (loghat daerah, dialek atau bahasa daerah) ialah kelainan dalam sesuatu bahasa yang menjadi ciri satu golongan tertentu dalam kalangan penutur bahasa itu. Istilah ini paling biasa digunakan untuk menghuraikan corak pertuturan setempat, tetapi juga ditentukan oleh faktor lain seperti darjat sosial. Istilah *loghat* berasal daripada perkataan Arab (*luġa*) yang bermaksud "bahasa"; sementara istilah *dialek* dipinjam dari bahasa Inggeris melalui perkataan Yunani (*dialektos*) yang bermaksud "bahasa" atau "perbualan". Jadi, dialek Kelantan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah bahasa perbualan yang digunakan oleh masyarakat yang berasal dan dibesarkan di negeri Kelantan (wikipedia).

1.5.4 Kanak-kanak Melayu

Kanak-kanak Melayu merupakan kanak-kanak yang berbangsa Melayu di Malaysia yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dalam perbualan harian mereka. Dalam kajian ini, subjek adalah kanak-kanak Melayu yang memperoleh dialek Kelantan sebagai bahasa pertama serta menggunakan dialek ini dalam pertuturan seharian.

1.5.5 Perkembangan Bahasa

Perkembangan bahasa merupakan satu proses yang berlaku awal dalam kehidupan seseorang. Apabila seseorang itu mempelajari bahasa, mereka mula belajar dengan mendengar dan cuba bertutur selain menggunakan pergerakan tubuh badan. Merupakan proses semulajadi yang berlaku apabila terdedah dengan rangsangan bahasa daripada persekitaran. Terdapat komponen penting dalam bahasa iaitu fonologi, semantik, sintaksis dan pragmatik. Keempat-empat komponen ini penting untuk membentuk bahasa dan seterusnya digunakan untuk berkomunikasi.

1.5.6 Perkataan yang Difahami (Receptive Language)

Bahasa kefahaman pula merupakan bahasa yang difahami oleh seseorang walaupun tidak dipertuturkan secara verbal. Bahasa ini mesti diperoleh terlebih dahulu sebelum dapat menghasilkan bahasa sebutan.

1.5.7 Perkataan yang Dipertuturkan (Expressive Language)

Bahasa sebutan merupakan bahasa yang digunakan untuk menyatakan sesuatu secara pertuturan dan mestilah yang difahami serta bermakna. Bahasa ini terhasil apabila seseorang itu sudah mempunyai perbendaharaan kata dan tatabahasa.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Dalam kajian literatur ini, pengkaji akan menerangkan secara ringkas tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan ini. Semuanya berkaitan dengan perkembangan bahasa kanak-kanak dan akibat kelewatan pemerolehan bahasa dalam kalangan mereka.

2.2 Kajian-kajian Lepas

Pada peringkat awal pemerolehan perkataan pertama, kanak-kanak menghasilkan perkataan dalam kadar perlahan. Walau bagaimanapun, apabila mereka sudah mencapai peringkat penghasilan perbendaharaan kata sebanyak 10 perkataan, mereka mula menambah perkataan baru pada kadar yang cepat, dan ini dikenali sebagai *vocabulary spurt* (Barrett, 1985). Terdapat kajian lepas yang memerlukan penjaga untuk melengkapkan Senarai Perkembangan Komunikasi MacArthur-Bates. Penjaga atau ibu bapa ini melaporkan bahawa anak-anak mereka menghasilkan 1 hingga 10 perkataan pada umur 12 bulan, mula menggabungkan perkataan tersebut pada umur 24 bulan, dan mula bercakap dengan ayat panjang pada umur 4 tahun.

Menurut Caulfield, R. (2002) kanak-kanak memang boleh belajar satu atau lebih bahasa dalam jangka masa yang singkat berikutan kesukaran mempelajari peraturan tatabahasa bahasa asal mereka. Artikel ini menyatakan bahawa dalam proses kanak-kanak mempelajari bahasa, ianya melibatkan kedua-dua rangsangan dari persekitaran (asuhan) terutamanya daripada ibu bapa, dan juga kebolehan bahasa yang sepatutnya boleh mempelajari bahasa secara semulajadi iaitu berdasarkan teori Chomsky. Chomsky menyatakan bahawa cara semulajadi adalah lebih penting berbanding asuhan manakala pengalaman menggunakan bahasa itu hanya perlu untuk menggiatkan alat pemerolehan bahasa atau *language acquisition device (LAD)*.

Dalam kajian yang lain oleh pengkaji Josephine Monaghan and Andrew W. Ellis (2002), mereka menyatakan bahawa pemerolehan awal perkataan disimpan sebagai perwakilan semua perkataan dalam leksikon fonologi. Walau bagaimanapun, apabila perbendaharaan kata kanak-kanak meningkat, simpanan fonologi dipaksa untuk menjadi lebih ekonomi dari segi simpanan tadi dan bermulalah untuk mewakili perkataan yang telah dipelajari dalam bentuk yang lebih bersegmen. Berdasarkan artikel bertajuk *Young Children's Sensitivity to Probabilistic Phonoactics in the Developing Lexicon* oleh Jeffrey A. Coady dan Richard N. Aslin (2004), pemerolehan fonologi bagi bahasa asal bermula dengan baik sebelum bayi mengujarkan perkataan pertamanya pada umur di sekitar 12 bulan.

Tahap perkembangan komunikasi bagi bahasa kanak-kanak mungkin merupakan petanda yang terbaik untuk mengenalpasti perkembangan yang lewat. Kecelaruan atau kelewatan dalam perkembangan komunikasi merupakan simptom yang lazim bagi kanak-kanak yang mempunyai sebarang kecacatan (Wetherby & Prizant, 1996). Terdapat beberapa sampel kajian yang menunjukkan perkembangan bahasa pertama untuk kanak-kanak pada peringkat terawal dalam pembelajaran perkataan dengan membandingkan sampel kanak-kanak seramai 265 Bahasa Inggeris, 336 Bahasa Mandarin dan 369 Bahasa Kantonis yang berumur 8 bulan hingga 16 bulan yang memerlukan penjaganya melengkapkan Senarai Perkembangan Komunikasi MacArthur-Bates. Kajian ini telah melaporkan bahawa kanak-kanak tersebut menghasilkan antara 1 hingga 10 perkataan (Tardif, T. et. al., 2006). Terdapat juga kajian yang menyatakan bahawa kata nama adalah kategori perkataan awal yang paling biasa akan dihasilkan oleh kanak-kanak (Gartnerr, 1982; Nelson, 1993), dan kata kerja merupakan yang kedua terbanyak dihasilkan dan diikuti oleh ujaran personal atau sosial.

Berdasarkan jurnal bertajuk *Why Do Preschool Language Abilities Correlate With Later Reading? A Twin Study* oleh Nicole Harlaar et. al (2008), Harlaar mendapati bahawa pemerolehan bahasa merupakan peramal bagi kejayaan perkembangan bahasa. Mereka mendapati bahawa kanak-kanak mula bercakap perkataan pertama mereka dalam lingkungan 12 bulan dan akan menggabungkan perkataan yang diperolehi pada umur 24 bulan. Kebolehan bahasa yang muncul ini amat penting bagi perkembangan membaca kanak-kanak (Elbro & Scarborough, 2004; Scarborough, 2005).

Berdasarkan kajian-kajian lalu ini, kajian Perkataan Awal yang Dihasilkan Oleh Kanak-Kanak Melayu Kelantan ini telah dipilih. Pengkaji mahu mengenalpasti masalah bahasa dalam kalangan kanak-kanak yang mempunyai masalah bahasa seperti lewat semasa proses pemerolehan bahasanya hingga lebih cenderung untuk menyebabkan masalah membaca berbanding kanak-kanak yang berkembang secara normal. Tetapi, menerusi kajian ini pengkaji akan menumpukan kepada aspek perkembangan bahasa yang normal bagi kanak-kanak yang menggunakan dialek Kelantan iaitu dengan menyediakan senarai perkataan awal yang biasa disebut oleh kanak-kanak tersebut sahaja.

Kesimpulannya, berdasarkan hasil kajian berkaitan perkembangan bahasa, kanak-kanak akan mula belajar bercakap ketika dua tahun pertama hidupnya. Sebelum mereka mengeluarkan perkataan pertama, mereka mempelajari peraturan bahasa dan cara orang dewasa menggunakan bahasa untuk berkomunikasi. Mereka akan mula menggunakan lidah, bibir, dan gigi untuk mengeluarkan bunyi. Contohnya seperti, mereka menyebut “oooh” dan “aahh” pada bulan pertama atau kedua selepas dilahirkan dan membebel sejeurus selepas itu. Kemudiannya, bunyi-bunyi ini akan menjadi perkataan seperti “mama” dan “dada” yang mungkin terkeluar daripada mulut mereka seawal 4 hingga 5 bulan. Pemerolehan fonologi bagi bahasa asal bermula dengan baik sebelum bayi mengeluarkan perkataan pertama mereka pada umur sekitar 12 bulan, pada umur 10 bulan mereka akan menjadi sensitif kepada cara bunyi pertuturan seseorang itu digabungkan untuk membentuk perkataan dalam bahasa mereka (Friederici and Wessels, 1993 and Jusczyk, Friederici et al., 1993).

2.3 Konsep/Teori

Terdapat banyak teori yang menjelaskan tentang perkembangan bahasa kanak-kanak. Pengkaji ini menerangkan teori mereka berdasarkan beberapa aspek seperti yang telah dijelaskan dalam Bab 1, iaitu pengaruh pemikiran dan juga perkembangan bahasa secara semulajadi.

Skinner (1957) cuba menerangkan bahawa bahasa tidak mengambil kira aspek berfikir seperti idea, maksud dan peraturan tatabahasa. Beliau berpendapat bahawa bahasa yang dihasilkan kanak-kanak lebih dipengaruhi oleh faktor luar seperti pendedahan bahasa oleh ibu bapa. Chomsky (1957) pula menyatakan pendapatnya tentang manusia memperoleh bahasa secara semulajadi dan bukannya mempelajari daripada ganjaran seperti yang dinyatakan oleh Skinner (1957). Dalam menerangkan hubungan kompleks antara pemerolehan pertuturan, bahasa dan proses berfikir, Piaget (1926) pula menerangkan bahawa pemerolehan bahasa bergantung kepada pengaruh persekitaran dan menggambarkan tahap perkembangan kognitif individu tersebut. Vygotsky (1962) juga mempercayai bahawa bahasa dipengaruhi oleh pemikiran. Tetapi, Sapire (1949) menyimpulkan bahawa cara pemikiran seseorang bergantung kepada pemerolehan bahasa.

Berdasarkan teori terdahulu ini, pengkaji dapat membuat kesimpulan iaitu kajian mengenai perkembangan bahasa ini kekal menjadi misteri dalam banyak aspek yang menunjukkan bidang bahasa merupakan bidang yang sangat subjektif dan memerlukan kajian yang lebih terperinci untuk mengetahui proses perkembangan bahasa kanak-kanak. Walaupun begitu, pengkaji lebih mempercayai teori yang berkaitan dengan pemikiran oleh Chomsky (1957) kerana bagi pengkaji perkembangan yang berbeza pada kanak-kanak berlaku kerana tahap pemikiran yang berlainan. Selain itu, kanak-kanak tidak mempelajari cara untuk membuat ayat mengikut tatabahasa yang betul, tetapi mereka boleh bertutur mengikut peraturan yang betul kerana seperti teori Chomsky ini, kanak-kanak sebenarnya sudah mempunyai peraturan tersebut sebelum mereka memperoleh perbendaharaan kata lagi.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Terdapat banyak cara untuk mendapatkan sampel pertuturan bahasa kanak-kanak yang boleh digunakan untuk mengkaji perkembangan bahasa dan pertuturan mereka. Antaranya ialah mengumpulkan sampel bahasa kanak-kanak secara langsung iaitu secara eksperimental dan menggunakan kaedah secara bukan eksperimental. Namun begitu, disebabkan subjek dalam kajian ini merupakan subjek yang berumur kurang dari 2 tahun, agak sukar bagi pengkaji jika ingin menggunakan kaedah secara spontan kerana kerjasama daripada kanak-kanak ini perlu dipupuk terlebih dahulu untuk mendapatkan respon serta sampel pertuturan spontan. Kaedah ini juga tidak sesuai disebabkan masa yang terhad dan tidak ramai subjek yang memenuhi kriteria di setiap pusat asuhan. Oleh itu, pengkaji telah memilih cara yang kedua iaitu bukan eksperimental. Melalui cara ini, sampel pertuturan subjek diperolehi melalui laporan ibu bapa subjek. Bab ini akan membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini secara lebih terperinci termasuklah reka bentuk kajian, lokasi, sampel, alatan kajian yang digunakan, cara mengumpul data dan kaedah yang digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah bukan eksperimental; iaitu kajian tinjauan (*survey*) yang merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimental paling popular, yang digunakan dalam pelbagai bidang terutamanya dalam bidang sains sosial. Ia sering digunakan oleh pelbagai bentuk media untuk mendapatkan pandangan orang ramai dan keberkesanan mengenai sesuatu perkara. Kajian tinjauan ini dipilih oleh pengkaji disebabkan ia merupakan cara memungut data yang cepat, penggunaan saiz sampel yang besar, dan mendapat maklumat secara terus dalam masa yang singkat. Pengkaji menggunakan kaedah tinjauan disebabkan jumlah subjek yang sepatutnya perlu lebih besar berbanding menggunakan cara eksperimental. Menurut Dane (1990), saiz sampel kajian mungkin seramai 100 orang (dijalankan ke atas subjek dalam sebuah organisasi). Jadi pengkaji telah mengedarkan borang ke 100 subjek di 13 buah taska di sekitar daerah Kubang Kerian. Di akhir kajian ini, hasil keputusan disimpulkan secara umum kepada populasi yang lebih besar. Hal ini bermakna, subjek yang telah dipilih ini boleh menggambarkan perkembangan kanak-kanak Melayu lain dalam populasi yang menggunakan dialek Kelantan dalam perbualan harian.

3.3 Sampel Kajian

Persampelan adalah berkaitan dengan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai subjek kajian. Sampel kajian ini merupakan subjek penting untuk dijadikan sebagai responden kajian. Pemilihan sampel yang tidak sesuai akan mempengaruhi hasil kajian. Sampel yang dimaksudkan di sini ialah sebahagian daripada sesuatu populasi. Sampel dalam kajian ini merupakan kanak-kanak yang berumur di antara lingkungan umur 6 bulan hingga 24 bulan. Subjek pilihan ini telah dibahagikan pula kepada 3 kumpulan mengikut lingkungan umur dari 6 bulan hingga 12 bulan (Kumpulan 1), 12 bulan hingga 18 bulan (Kumpulan 2), dan 18 bulan hingga 24 bulan (Kumpulan 3). Dalam setiap kumpulan ini, pengkaji telah cuba mendapatkan 100 subjek. Pengkaji memilih lingkungan umur ini dengan berdasarkan kajian lepas dan melalui beberapa rujukan lain. Pengkaji mendapati bahawa terdapat perbezaan umur yang menunjukkan umur pemerolehan serta perkembangan bahasa pada kanak-kanak. Tetapi, dalam lingkungan umur ini biasanya kanak-kanak akan menghasilkan perkataan pertama mereka. Pengkaji tidak menetapkan bilangan subjek lelaki dan perempuan. Tetapi, jumlah yang diperoleh dalam kajian ini hampir sama rata antara lelaki dan perempuan iaitu 15 lelaki dan 16 perempuan keseluruhannya.

3.4 Kriteria Pemilihan Subjek

Pengkaji telah menetapkan beberapa kriteria untuk subjek dalam kajian ini. Antaranya ialah sejarah kesihatan subjek, seperti proses kelahiran yang normal dan tahap kesihatan yang normal; iaitu tidak terdapat apa-apa kecacatan fizikal, mental dan komplikasi semasa dilahirkan. Kriteria ini bertujuan untuk memastikan bahawa tiada masalah dalam perkembangan bahasa mereka. Subjek yang mempunyai sebarang masalah lain seperti bahasa dan pertuturan, pendengaran serta masalah kesihatan lain yang kronik akan dikecualikan sebagai subjek dalam kajian ini. Maklumat ini diperolehi daripada ibu bapa yang telah diisi dalam borang latar belakang ibu bapa dan anak (Lampiran C). Selain sejarah kesihatan dan keluarga subjek, pengkaji juga telah menetapkan kriteria subjek yang menggunakan dialek Kelantan sebagai bahasa utama mereka sahaja akan dipilih. Subjek dalam kajian ini merupakan subjek yang terdedah dan menggunakan dialek Kelantan sebagai pilihan bahasa dominan mereka dalam komunikasi seharian. Namun begitu, pengkaji hanya berjaya mengumpulkan subjek seramai 31 orang sahaja kerana daripada jumlah asal yang dikutip terdapat subjek yang tidak memenuhi kriteria kajian.